

## Ulasan Buku/*Book Review*

*Jenayah Kanak-kanak menurut Undang-undang Islam* oleh Alwi Hj. Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999. Hlm. 154. Harga RM 12.00. ISBN 983-62-5625-3. Diulas oleh Dr. Abdul Basir bin Mohamad.

Penulis memulakan penulisan dengan memberi pengertian kanak-kanak. Kanak-kanak ialah seseorang yang belum lagi mencapai umur baligh. Sebelum baligh, seseorang itu akan menempuh dua peringkat kehidupan, iaitu sebelum *mumayyiz/ghayr mumayyiz* dan *mumayyiz*. Sebelum *mumayyiz* adalah tahap umur kanak-kanak selepas dilahirkan sehingga dia mengenali keadaan sesuatu sama ada baik ataupun buruk. Penulis cuba membawa beberapa contoh keadaan kanak-kanak *mumayyiz* (hlm. 4-5) yang boleh difahami. Manakala kanak-kanak *ghayr mumayyiz* pula ialah kanak-kanak yang belum memahami soalan yang diajukan kepadanya dan belum pandai menjawabnya, atau belum pandai membezakan antara anggota badan atau belum mampu bertindak sendirian tanpa pertolongan orang lain untuk makan, minum dan sebagainya. Ringkasnya, kanak-kanak *ghayr mumayyiz* ialah seorang yang belum mencapai keupayaan memahami sesuatu yang berlaku, apakah itu boleh mendatangkan kebaikan kepadanya ataupun sebaliknya. Setelah seseorang kanak-kanak itu dapat memahami situasi sekeliling dengan beberapa keadaan yang telah diterangkan sebelum ini, maka dia dikira *mumayyiz*. Perubahan tersebut bermula dalam lingkungan umur tujuh tahun sehingga umur baligh. Setelah itu dia dianggap baligh setelah terdapat beberapa tanda yang wujud pada dirinya. Pada waktu ini, dia tidak disebut kanak-kanak lagi, tetapi dipanggil sebagai 'remaja/dewasa'. Apabila seseorang itu telah mencapai usia baligh, dia dikira sempurna dari sudut akal fikiran. Sebelum baligh, seseorang kanak-kanak itu belum cukup sempurna akal fikiran, cuma hanya dapat memahami sesuatu, tetapi dalam kes tertentu, akalnya masih lagi tidak dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya.

Seterusnya, penulis menjelaskan beberapa tanda baligh bagi seseorang kanak-kanak sama ada lelaki, perempuan atau *khuntha*. Tanda-tanda baligh bagi kanak-kanak lelaki antaranya ialah keluar air mani, keupayaan menyebabkan seseorang perempuan hamil, tumbuh bulu ari-ari, tumbuh bulu ketiak, misai, janggut, perubahan pada bunyi suara, hidung mengembang atau puting buah dada membesar. Manakala bagi kanak-kanak perempuan pula, keadaan tanda-tanda itu sama seperti kanak-kanak lelaki, cuma terdapat beberapa keadaan yang berlainan seperti berlakunya haid dan kemampuan untuk mengandung. Manakala bagi *khuntha* pula, tanda-tanda balighnya ialah tumbuh bulu ari-ari atau keluar air mani dan haid daripada organ-organ jantinya. Ada ulama yang berpendapat apabila

keluar air mani dan haid dari kedua-dua alat jantinya, bukan dari salah satu daripada kedua-duanya. Kemudian penulis menjelaskan pula peringkat atau tahap umur kanak-kanak baligh bagi yang tidak mengalami tanda-tanda yang telah dijelaskan. Ada yang berpendapat apabila mencapai umur lima belas tahun, ada juga yang berpendapat genap lima belas tahun, dan ada juga yang mengatakan sehingga tahap umur lapan belas tahun. Semua ketentuan umur tersebut berdasarkan dalil-dalil tertentu. Setiap ketentuan itu ada alasan tersendiri.

Seterusnya, penulis menjelaskan pula definisi *al-jinayah* dan *al-jarimah* dari sudut bahasa dan istilah. Setelah itu dinyatakan tentang penggunaan kedua-dua istilah tersebut oleh para ulama Islam dalam penulisan-penulisan mereka. Ada yang menggunakannya secara serentak dalam kesemua kes tanpa membezakan kesalahan-kesalahan tersebut sama ada ia tergolong dalam kategori *hudud*, *qisas* atau *ta'zir*. Sebahagiannya pula membezakan penggunaannya berdasarkan jenis kesalahan, seperti *al-jinayah* untuk kes *qisas* dan *al-jarimah* untuk kes-kes *hudud* dan *ta'zir*. Ada juga yang menggunakan istilah *al-jinayah* untuk kes *hudud*, *al-jarimah* untuk kes *qisas*. Sebahagiannya pula menggunakan kedua-dua istilah tersebut bagi kesemua jenis kesalahan tanpa mengambil kira mana-mana kategori. Di samping itu, terdapat mereka yang mengkategorikan kesalahan yang berkaitan dengan harta benda kepada perbincangan khusus dengan penggunaan istilah yang khusus. Dalam perbincangan ini, penulis tidak membuat kesimpulan berkaitan dengan penggunaan dan maksud kedua-dua istilah tersebut secara keseluruhan. Ini kerana jika dilihat secara terperinci, sebenarnya kedua-dua istilah itu adalah sinonim yang tidak memberi penekanan khusus terhadap mana-mana kategori kesalahan, sama ada tertumpu hanya pada kesalahan terhadap tubuh badan atau harta benda, malahan kedua-dua istilah itu juga merangkumi kedua-dua jenis kesalahan tubuh badan dan juga harta benda. Selanjutnya, penulis menerangkan jenis-jenis kesalahan yang terkandung dalam jenayah *hudud*, *qisas* dan *ta'zir*. Jenis-jenis kesalahan berkaitan dengan *hudud* dan *qisas* disenaraikan secara terperinci mengikut pendapat para ulama Islam. Cuma kesalahan jenayah *ta'zir* dijelaskan secara ringkas kerana ia tidak disenaraikan secara terperinci disebabkan ia terlalu banyak dan terletak di atas bahu pemerintah untuk menetapkannya. Tujuan perbincangan dalam bab ini secara jelasnya adalah untuk mengenal pasti sama ada kesalahan itu jenis jenayah yang ditetapkan hukumannya ataupun tidak. Dari situ dapat diadaptasikan kepada kedudukan seseorang kanak-kanak berkaitan dengan perbuatannya.

Penulis membahagikan tiga elemen utama yang wujud dalam sesuatu perbuatan yang akhirnya boleh diambil kira sama ada ia dikategorikan sebagai jenayah atau tidak. Pertama ialah elemen perundangan. Elemen ini penting kerana dalam undang-undang Islam, sesuatu hukum itu berteras-



kan wahyu Allah S.W.T. Jika tidak terdapat dalam wahyu Allah S.W.T., sudah pasti tidak ada ketentuan hukum sama ada berupa suruhan atau larangan. Bagi menentukan sesuatu perbuatan itu bersifat jenayah, ia bergantung pada wahyu Allah S.W.T. yang akhirnya membentuk tiga kategori undang-undang jenayah, iaitu *hudud*, *qisas* dan *ta'zir*. Perkara yang berkaitan dengan unsur perundangan berkait dengan perbuatan seseorang ialah *hukum taklifi* dan *hukum wad'i*. Hukum *taklifi* ialah hukum berkaitan dengan perintah, larangan dan pilihan. Manakala *hukum wad'i* pula ialah hukum yang berkaitan dengan sebab, syarat, tegahan, sah dan batal. Kedua-dua jenis hukum ini berkait rapat dengan tindakan atau perbuatan seseorang individu yang hasilnya akan menentukan sesuatu perbuatan itu dihukum sebagai kesalahan ataupun tidak.

Kedua ialah unsur material. Sesuatu perbuatan jenayah itu tidak dihukum sebagai jenayah selagi ia tidak dilakukan dengan perbuatan. Jika hanya semata-mata terdetus niat di hati, tanpa disusuli dengan perbuatan, ia tidak dikira jenayah dan tidak berdosa di sisi Allah S.W.T. Ini kerana niat semata-mata tidak akan mendatangkan apa-apa kerosakan dan kemudaratan kepada masyarakat.

Di samping unsur material, unsur moral yang menganggapkan sesuatu perbuatan itu merupakan suatu kesalahan juga diperlukan. Bagaimanakah cara untuk menentukan sesuatu perbuatan itu dianggap kesalahan atau tidak dan apakah kriteria utamanya? Bagi sesuatu perbuatan yang telah dinaskan dalam al-Qur'an dan hadith sudah pasti mudah untuk ditentukan itu adalah kesalahan. Tetapi bagi kesalahan yang tidak dinaskan secara jelas, bagaimanakah ia hendak ditentukan? Adakah dengan mengikut naluri semula jadi manusia? Atau adakah semata-mata ia suatu maksiat, maka dikatakan itu adalah kesalahan? Apakah kriteria maksiat? Penulis telah menerangkan tiga syarat utama yang mesti ada dalam menentukan pelakuan jenayah, iaitu pelaku hendaklah seorang yang *mukallaf*, *mukhtar*, dan *multazim bi al-ahkam*. Jika tidak wujud ketiga-tiga syarat ini pada diri seseorang itu ketika dia melakukan sesuatu kesalahan, seperti gila atau masih kanak-kanak, dipaksa atau seorang kafir *harbi*, perbuatannya itu tidak dikira suatu kesalahan walaupun pada hakikatnya ia adalah satu kesalahan.

Zaman kanak-kanak adalah tahap perkembangan pemikiran yang belum sempurna. Oleh itu, dalam kes-kes *hudud*, *qisas* dan *ta'zir* perbuatan jenayah kanak-kanak tidak dikategorikan jenayah yang dijatuhkan hukuman. Jadi, hukumannya tidak dilaksanakan mengikut peruntukan jenayah. Walaupun begitu, pihak berkuasa boleh memikirkan hukuman yang sesuai untuk dikenakan ke atas mereka jika perlu berdasarkan pada maslahat umum. Apa yang perlu ditekankan di sini walaupun tidak disebut secara jelas dalam bahagian ini, namun setiap perbuatan kerosakan atau kemudaratan secara langsung yang dilakukan oleh kanak-kanak, tanggung-

an tetap dibebankan ke atasnya tanpa mengambil kira sama ada kanak-kanak itu *mumayyiz* atau tidak, tetapi jika perbuatannya itu secara tidak langsung, hanya kanak-kanak *mumayyiz* sahaja yang menanggung beban. Manakala kanak-kanak yang *ghayr mumayyiz* terlepas daripada beban tanggungan.

Niat, walaupun ia suatu yang berbentuk abstrak, ia tetap penting dalam menentukan kes-kes jenayah. Bagi membezakan sesuatu perbuatan salah itu dianggap jenayah atau tidak, bergantung pada niat. Perbuatan yang sama dan dilakukan oleh orang yang sama tetapi dengan niat yang berbeza, ia akan membawa kepada implikasi hukuman yang berbeza. Ini sebagai dalil bahawa perlunya niat sebagai penentuan kategori perbuatan dan hukuman. Niat yang digambarkan atau dizahirkan dengan cara atau disertai dengan alat, akan membentuk beberapa jenis jenayah (hlm. 60-61). Bagi kes jenayah *qisas*, para ulama bersependapat bahawa kanak-kanak yang *ghayr mumayyiz*, niat yang sengaja dikira tidak sengaja. Manakala niat sengaja kanak-kanak *mumayyiz* juga kebanyakan ulama mengatakan tidak sengaja, melainkan sebahagian ulama Shafi'i dan Ibn Rajab yang mengatakan niat sengaja itu tetap dikira sengaja (hlm. 63).

Dalam kes-kes *hudud* dan *ta'zir*, perbuatan yang dilakukan oleh kanak-kanak *ghayr mumayyiz* tidak dianggap sebagai melakukan jenayah tersebut dan niatnya tidak diambil kira. Kedudukan kanak-kanak ketika ini dianggap sama seperti haiwan yang tidak dibebankan dengan apa-apa tanggungan. Begitu juga kedudukan kanak-kanak yang *mumayyiz*, kecuali sebahagian ulama mazhab Shafi'i yang mengatakan niat kanak-kanak tersebut diambil kira seperti dalam kes jenayah *qisas*.

Selanjutnya, penulis menerangkan kedudukan kanak-kanak dalam sistem keterangan Islam. *Iqrar* menjadi topik awal penulis dan didapati *iqrar* kanak-kanak tidak boleh diterima dalam kes jenayah. Begitu juga jumhur ulama tidak menerima kesaksian kanak-kanak dalam kes-kes jenayah. Tetapi dalam perbincangan *qarimah*, didapati maklumat yang disediakan tidak mencukupi untuk dijadikan isu perbincangan. Ini kerana tidak ada kata putus tentang *qarimah* kanak-kanak. Sebagai contoh dalam kes curi, apakah kanak-kanak boleh dihukum hudud berdasarkan *qarimah*? Kemudian diteruskan lagi perbincangan ini dengan tajuk *qasamah*. Penulis membentangkan perbincangan ini dengan panjang lebar dengan mengutarakan pendapat daripada kalangan ulama mazhab Sunni secara menyeluruh. Ringkasnya, para ulama bersepakat mengatakan *qasamah* kanak-kanak tidak boleh diterima dalam kes jenayah bunuh.

Dalam bab seterusnya penulis menghuraikan pula dari sudut hukuman yang sepatutnya dikenakan ke atas seseorang kanak-kanak yang telah melakukan sesuatu kesalahan. Jika seseorang kanak-kanak itu melakukan sesuatu kesalahan sama ada kesalahan *hudud*, *qisas* atau *ta'zir*, dia tidak dikenakan hukuman yang diperuntukkan dalam kesalahan tersebut. Ini



kerana kanak-kanak tersebut belum lagi *mukallaf*. Syarat ini adalah syarat yang perlu untuk menentukan seseorang itu bersalah atau tidak. Walaupun dia terlepas daripada hukuman jenayah, namun dia tidak terlepas daripada penalti tuntutan sivil. Ini kerana nyawa dan harta benda adalah terpelihara dan terjaga dan bukan sia-sia pada pandangan undang-undang Islam. Islam sangat mementingkan dua perkara tersebut supaya orang lain tidak boleh mencerobohi hak terhadap orang lain. Jika dia tidak menanggung atas sebab tertentu, penjaganya pula yang akan menanggung bebanan. Dengan kata lain seseorang itu tidak akan terlepas apabila sesuatu kerosakan atau kecederaan itu berlaku tanpa melihat individu yang melakukannya. Cuma dari sudut hukuman jenayah sahaja tidak dikenakan. Bagi kanak-kanak *ghayr mumayyiz*, tiada *'uqubah* dan hukuman *ta'zir* ke atas tubuh badan dikenakan. Manakala kanak-kanak *mumayyiz*, hukuman *ta'zir* berbentuk *ta'dib* sahaja yang boleh dikenakan. Tetapi penalti bagi hukuman sivil yang berbentuk pampasan/gantirugi tetap dikenakan ke atas kedua-dua jenis kanak-kanak tersebut. Berkenaan dengan kedudukan kedua-dua jenis kanak-kanak dari sudut *mubashir* dan *mutasabbib* dalam sesuatu kes jenayah yang dilakukannya. Penulis tidak menjelaskan dalam perbincangan ini.

Buku ini juga menerangkan tentang hukuman yang setimpal ke atas kanak-kanak yang melakukan jenayah. Ia dimulai dengan jenayah qisas, kemudian *hudud* dan *ta'zir* secara terperinci. Dalam kes pembunuhan sengaja para ulama mazhab didapati bersetuju bahawa kanak-kanak *ghayr mumayyiz* tidak dikenakan *qisas*, malah perbuatan mereka dikira sebagai tidak sengaja. Tetapi dalam kes yang melibatkan kanak-kanak *mumayyiz*, ulama Shafi'i berbeza pendapat daripada ulama yang lain. Mereka berpendapat niat sengaja kanak-kanak dikira sengaja, cuma tidak dikenakan hukuman *qisas*, tetapi dikenakan *diyah mughallazah* dan diambil daripada hartanya sendiri serta dibayar secara tunai kecuali keluarga mangsa setuju dibayar secara ansuran. Ia juga dikenakan *kaffarah*, diharamkan menerima pusaka, tetapi tidak ditegah menerima wasiat. Selain itu, kanak-kanak *mumayyiz* boleh dikenakan hukuman *ta'zir* berbentuk *ta'dib* dan bukan *'uqubah*.

Dalam kes pembunuhan seumpama sengaja, ulama mazhab Hanafi dan Hanbali mengkategorikan perbuatan kanak-kanak sebagai tidak sengaja, tetapi ulama mazhab Shafi'i tetap berpendapat seumpama sengaja. Hukum ini hanya dikenakan ke atas kanak-kanak *mumayyiz* sahaja, tidak ke atas kanak-kanak *ghayr mumayyiz*. Oleh itu, kanak-kanak ini dikenakan membayar *diyah mughallazah* yang ditanggung oleh *'aqilahnya* dalam tempoh tiga tahun. Kedudukan hukuman lain menurut ulama mazhab Shafi'i sama seperti kes sengaja di atas.

Dalam kes pembunuhan tidak sengaja, ulama mazhab berpendapat bahawa kanak-kanak *mumayyiz* dan *ghayr mumayyiz* yang melakukan

jenayah secara tidak sengaja dikenakan hukuman berdasarkan hukuman tidak sengaja, iaitu *diyah mukhaffafah* yang ditanggung oleh 'aqilahnya dalam tempoh tiga tahun. Dia juga dikenakan *kaffarah* dan terhalang menerima pusaka menurut sebahagian ulama, kecuali wasiat, menurut pendapat ulama mazhab Shafi'i. Di samping itu, hukuman *ta'zir* berbentuk *ta'dib* boleh dikenakan berasaskan kepada kemaslahatan, itupun dikenakan kepada kanak-kanak *mumayyiz* sahaja.

Dalam kes jenayah pembunuhan bentuk lain (hlm. 104-105), hukuman yang dikenakan ke atas kanak-kanak sama seperti kes tidak sengaja.

Dalam kes kecederaan (hlm. 105-108) didapati penentuan hukumannya sama seperti dalam kes pembunuhan.

Dalam kes jenayah pengguguran janin, para ulama mempunyai dua pendapat, iaitu tidak sengaja dan seumpama sengaja. Bezanya dengan kes-kes sebelum ini ialah penulis mewujudkan perbezaan *mumayyiz* dan *ghayr mumayyiz*, dan niat sengaja yang dikira sengaja oleh ulama mazhab Shafi'i bertukar menjadi seumpama sengaja. Di samping itu satu persoalan timbul tentang *ghurrah mughallazah* yang sepatutnya ditanggung oleh 'aqilah kanak-kanak, tetapi dalam kes ini ia ditanggung oleh kanak-kanak itu sendiri. Mengapakah perkara ini berlaku sedemikian, sedangkan ia adalah kes perbuatan seumpama sengaja (hlm. 111). Tetapi dalam kes (hlm. 112-113) pula didapati hukuman yang dikenakan ialah *diyah* (bukan *ghurrah*) dalam kedua-dua keadaan, iaitu seumpama sengaja dan tidak sengaja, ia ditanggung oleh pihak 'aqilah.

Penulis juga membincangkan tentang janin yang gugur dalam keadaan hidup atau janin yang gugur setelah kematian ibunya lalu mati dan tidak ada tanda-tanda kesan perbuatan jenayah. Dalam kes tersebut hanya dikenakan hukuman *ta'zir* sahaja kepada kanak-kanak (hlm. 114). Itupun mungkin ke atas kanak-kanak *mumayyiz* sahaja.

Selanjutnya penulis membincangkan juga mengenai 'aqilah. 'Aqilah telah dibincangkan menurut pendapat ulama mazhab Sunni dan secara umumnya mereka sependapat, cuma terdapat beberapa perkara sahaja yang berlainan, antaranya:

1 Ulama mazhab Hanafi dan Maliki – pesalah termasuk salah seorang 'aqilah, manakala ulama mazhab Shafi'i berpendapat sebaliknya.

2. Ulama mazhab Hanafi dan Maliki – anak dan bapa termasuk kategori 'aqilah, manakala ulama mazhab Shafi'i dan ulama mazhab Hanbali berpendapat sebaliknya.

3 Para ulama mazhab bersetuju bahawa sesiapa yang tidak mempunyai 'aqilah, maka 'aqilahnya ialah baitulmal.

Dalam kes *hudud* zina (hlm. 118-119) kanak-kanak tidak dikenakan hukuman *hudud* kerana dia bukan seorang yang *mukallaf* dan belum *muhsan*. Apa yang harus ditanggung oleh mereka ialah penalti tuntutan sivil yang berbentuk pampasan. Pampasan merangkumi mas kahwin dan



juga ganti rugi kerana menghilangkan dara. Pada halaman 119 perenggan terakhir 'Pendapat mazhab Hanafi...', adalah tidak jelas. Kanak-kanak juga tidak dikenakan hukuman hudud jika dia melakukan *qazaf*, minum arak atau minuman memabukkan, mencuri, merompak, murtad dan penderhakaan terhadap pemerintah Islam yang adil. Bagi kanak-kanak *ghayr mumayyiz*, mereka terlepas daripada hukuman hudud secara mutlak, tetapi tidak terlepas daripada tanggungan sivil. Bagi kanak-kanak *mumayyiz*, mereka boleh dikenakan *ta'zir* berbentuk *ta'dib*, bukan berbentuk hukuman pembalasan.

Penulis mengakhiri penulisannya dengan diskusi hukuman *ta'zir* terhadap kanak-kanak. Kanak-kanak yang dijatuhkan hukuman *ta'zir* ialah kanak-kanak yang *mumayyiz*. Itupun berbentuk *ta'dib*. Bagi kanak-kanak yang *ghayr mumayyiz* tidak boleh dikenakan hukuman *ta'zir* dalam apa jua bentuk. Satu persoalan timbul, semua jenis manusia tidak terlepas daripada tuntutan sivil berbentuk pampasan atau ganti rugi. Apakah ini tidak boleh dikategorikan sebagai *ta'zir*? Jika ia bukan daripada jenis *ta'zir* maka apakah kategorinya? Kalau ia di bawah *ta'zir* juga, bagaimana kenyataan perenggan 2 hlm. 130?

Walaupun terdapat beberapa kesalahan teknikal yang jelas, buku ini adalah sebuah buku rujukan hasil kajian yang mendalam berkaitan dengan perbuatan salah laku kanak-kanak. Melalui hasil kajian ini kita dapat mengetahui kedudukan perbuatan jenayah seseorang kanak-kanak dalam undang-undang jenayah Islam. Buku ini sesuai untuk bacaan umum, terutama para pelajar dan pengkaji undang-undang Islam. Kesimpulannya dapat dirumuskan beberapa ciri utama berkaitan dengan hasil karya ini.

#### ISI DAN SUMBANGAN ILMU

Buku ini khusus memfokuskan perbincangan tentang kanak-kanak dalam aspek kesalahan jenayah menurut undang-undang Islam. Isi kandungan buku ini menghuraikan perkara-perkara yang berkaitan dengan isu utama yang dibincangkan. Ia dimulai dengan definisi kanak-kanak, perbuatan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak, beban pembuktian terhadap kesalahan jenayah dan hukuman yang dikenakan ke atas seseorang kanak-kanak yang melakukan jenayah. Secara keseluruhannya perbincangan ini menjurus kepada undang-undang Islam yang berteraskan al-Qur'an, al-Sunnah dan ijtihad para ulama mazhab Sunni.

Daripada pembahagian tajuk yang dibincangkan, didapati isi kandungan buku ini amat sesuai untuk menjadi sumber rujukan kepada para pelajar, ahli akademik dan juga masyarakat awam. Isi kandungannya menepati kehendak tajuk dan permasalahan yang ingin diutarakan oleh penulis.

Terdapat banyak buku yang telah dihasilkan oleh penulis lain berkaitan undang-undang jenayah Islam sebelum ini, tetapi buku-buku ter-

sebut hanya membincangkan jenayah Islam secara umum. Perbincangan buku ini lebih spesifik kepada perbuatan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak menurut Islam. Ia hasil yang bernilai dan dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada para pelajar institusi pengajian tinggi dan juga para pengkaji undang-undang Islam.

Buku ini adalah sumbangan baru dari sudut pengumpulan dan susunan faktanya yang khusus tentang perbuatan jenayah kanak-kanak. Sebenarnya, jenayah kanak-kanak telah ditulis dan dibincangkan oleh para mujtahid Islam dalam penulisan-penulisan mereka secara tidak tersusun, maka hasil ini amat bernilai bagi memudahkan para ilmuwan membuat rujukan. Lebih-lebih lagi penulis buku ini telah mengatur dan menyusun isi perbincangan secara sistematik dengan mengemukakan perbincangan empat mazhab sekali gus.

#### KEASLIAN KARYA

Buku ini adalah hasil karya asli dari sudut penyusunan dan pengumpulan fakta daripada sumbernya yang asal. Rujukannya berdasarkan al-Qur'an, al-Sunnah dan hasil-hasil penulisan para mujtahid Islam berdasarkan pada empat mazhab Sunni. Penulis telah merujuk dalam setiap bab dan perbincangan kepada sumber-sumber asal pengajian Islam yang berkaitan dengan jenayah kanak-kanak. Karya ini mengemukakan penemuan fakta:

1. Undang-undang Islam tidak melepaskan tanggungan kesalahan yang disebabkan oleh kanak-kanak. Lebih-lebih lagi kesalahan-kesalahan yang bersifat kesalahan tort. Walaupun begitu, tanggungan itu dibebankan ke atas penjaganya.
2. Niat sengaja kanak-kanak tidak diambil kira sebagai sengaja dalam undang-undang jenayah Islam. Oleh itu, kanak-kanak yang bersalah tidak dikenakan hukuman jenayah, tetapi dikenakan hukuman sivil. *Iqrar* (pengakuan) kanak-kanak terhadap kesalahannya tidak diambil kira.

#### PENDEKATAN

Hasil penulisan ini berasaskan tajuk perbincangan jenayah yang tidak terkeluar daripada tajuk yang telahpun dibincangkan oleh para ulama Islam. Tetapi perkara yang menarik dalam hasil kajian ini ialah tajuk-tajuk tersebut hanya difokuskan kepada kes kesalahan yang berkaitan dengan kanak-kanak sahaja. Pendekatan yang dibawa oleh penulis adalah pendekatan secara urutan perbincangan yang dimulai dengan pengenalan kanak-kanak sehinggalah kepada metod pembuktian dan bentuk-bentuk hukuman yang dikenakan ke atas kanak-kanak. Pendekatan lain ialah sebagaimana yang lazim dilakukan oleh penulis-penulis pengajian Islam,



iaitu metod perbandingan pendapat antara para ulama daripada kalangan mazhab-mazhab Islam.

Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi Selangor D. E.